

Terima hadiah paling istimewa

10 tahun tunggu anak ketiga, tak sangka dapat bayi merdeka

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Penantian sepasang suami isteri selama 10 tahun untuk mendapatkan anak ketiga menjadi kenyataan apabila mereka dikurniakan seorang bayi perempuan yang dilahirkan tepat jam 1.25 pagi Khamis.

Lebih manis, bayi mereka dilahirkan awal pagi ketika rakyat Malaysia meraikan sambutan Hari Kebangsaan ke-66 pada 31 Ogos.

Alyani Adnan, 35, berkata, dia tidak menyangka bayinya itu lahir pada hari merdeka kerana tarikh jangkaan lahir sepatutnya tiga hari lepas iaitu 28 Ogos.

"Saya masuk wad sehari sebelum tarikh jangkaan bayi lahir iaitu pada 27 Ogos sebab bimbang bilangan pergerakan bayi tak cukup 10 kali hari tu.

"Saya tunggu hingga tarikh tersebut, tidak ada tanda bersalin sehingga 31 Ogos. Tak sangka pula anak saya ini istimewa iaitu bayi merdeka terawal lahir di Terengganu," katanya yang tinggal di Bukit Payong, Marang.

Alyani ditemani suaminya, Mohamad Zahar Ali, 38, ketika ditemui pemberita sempena Program Menyemai Kasih Rakyat (Mekar) dan Sambutan Bayi Merdeka 31 Ogos di Pusat



Dr Kasemanzi (depan, tiga dari kanan) bersama Alyani (tiga dari kiri) ketika menyantuni pasangan suami isteri yang menyambut kelahiran bayi pada Hari Kebangsaan ke-66.

Rawatan Ibu dan Anak (PRIBA), di sini pada Khamis.

Sementara itu, Norazian Mamat, 38, berkata, dia tidak menyangka anak ketujuhnya dilahirkan pada hari bersejarah negara.

"Anak saya dijangka lahir minggu depan. Tak sangka pula tiba-tiba air ketuban berkurangan dan perlu bersalin lebih awal.

"Saya bersyukur proses kelahiran berjalan lancar dan saya selamat melahirkan bayi lelaki seberat 2.99 kilogram (kg) jam 3.56 pagi Khamis," katanya.

Sementara itu, seramai 36 bayi merdeka dengan 18 bayi lelaki dan 18 bayi perempuan dilahirkan di seluruh Terengganu bermula jam 12 tengah malam sehingga 10 pagi Khamis.

Dari padanya jumlah itu, 25 bayi dilahirkan di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu; Hospital Kemaman (5), Hospital Besut (3), Hospital Dungun (2) dan

Hospital Hulu Terengganu (1).

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Kasemanzi Embong berkata, bayi berkenaan turut diraihkan Co-opbank Pertama, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Kita bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Terengganu untuk memberi penerangan mengenai tempoh pendaftaran kelahiran bayi kepada ibu bapa mereka.

"Selain itu, mereka juga diberikan kelebihan terutama melibatkan tabung simpanan pada masa depan.

"Semoga sumbangan ini dapat menceriakan lagi keluarga bayi ini sekali gus membantu dalam membuat persiapan pendidikan anak dan merancang masa depan terbaik untuk mereka," katanya.